

# Norsharifah johan Pertandingan Pidato UMS

DE 15.12.2018 2

KOTA KINABALU: Norsharifah Waty Abdul Salim muncul johan Pertandingan Pidato anjuran Kursus Pidato Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat 1, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi UMS, baru-baru ini.

Pelajar Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS yang menyampaikan pidato bertajuk "Mental Health Awareness" itu berjaya mencuri perhatian juri melalui persembahan yang mantap dengan lontaran idea yang bernas sekali gus dinobatkan sebagai pemenang pertandingan.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi Iskandar Zulkarnain Abdul Ramli dan Mohammad Amzar Makklani dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) UMS.

Kesemua mereka membawa pulang hadiah berupa hamper dan sejumlah wang tunai yang disampaikan Dekan FKSW, Prof. Dr. Ismail Ibrahim selaku jemputan kehormat.



**DR ISMAIL (berdiri kelapan dari kiri) bersama para pemenang dan peserta pertandingan pidato.**

Pertandingan pidato kali ini antara lain mewajibkan para peserta menyampaikan pidato sama ada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris berdasarkan pilihan tajuk yang diberikan.

Dibuka kepada seluruh siswa-siswi

UMS, pertandingan itu dihakimi dua juri berpengalaman iaitu Pengarah Penerbit UMS, Prof. Madya Dr. Asmiaty Amat dan Pensyarah Kanan FKSW, Dr. Lokman Abd. Samad. Hadir sama Pengarah Program, Anis Hafizah Azmi.